

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 17 DISEMBER 2021

KERATAN AKHBAR

Pemilik kilang dipanggil beri keterangan



PUTRAJAYA: Pemilik sebuah kilang di Dengkil dipanggil bagi membantu siasatan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang semalam, susulan pencemaran bau di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sepang, Superintendan Md Noor Aehwan Mohammad, berkata polis menerima laporan daripada Pasukan Khas Lembangan dan Alur Air (PAKAR) pada jam 8.50 pagi semalam berhubung pencemaran bau di LRA Sungai Semenyih, di Jenderam Hilir, Dengkil dan terpaksa dihenti tugas pada jam 9 pagi.

Katanya siasatan dibuat mengikut Seksyen 430 Kanun Keseksaan kerana melakukan perbuatan khianat sehingga menyebabkan berlaku pemutusan bekalan air kepada orang ramai.

Katanya, keterangan pengadu yang mengesan punca bau abnormal dari kilang terbabit juga diambil dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya selepas siasatan lengkap.

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

"Pemilik premis mendakwa pihaknya tidak melepaskan sisa abnormal ke dalam Sungai Semenyih sebaliknya premis berkenaan mempunyai penapis untuk merawat sisa buangan yang mengalir masuk ke pemetang sebelum memasuki Sungai Semenyih.

"Hasil siasatan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), PAKAR dan polis di dua premis kilang berkenaan mendapati tiada sebarang efluen dilepaskan, namun terdapat satu aliran bawah tanah yang disyaki mengeluarkan bahan buangan kelihatan seakan-akan minyak," katanya.

Noor Aehwan berkata, Unit Forensik IPK Selangor juga sudah mengambil lima sampel air di laluan yang dinyatakan pengadu dan di muka sauk LRA berkenaan.

Menurutnya, sampel air turut diambil dari dalam premis kilang yang disyaki termasuk sampel perbandingan yang diambil oleh pihak pengadu untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk perbandingan.

"Kesemua sampel dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan tindakan lanjut," katanya.

BH semalam melaporkan LRA Sungai Semenyih terpaksa dihenti tugas kelmarin apabila berlaku pencemaran bau menyebabkan lebih 400 kawasan terputus bekalan air.